

Friday, July 22, 2022

SUKAN SEA 2023 ANJURAN KEMBOJA

Awalnya diketepi tapi silat kembali disertakan dalam Sukan SEA Kemboja

Beberapa acara sepak takraw turut digugur manakala boling dan menembak tiada dalam senarai awal pihak penganjur

ZULAIHAH ABDUL RAHIM
zulaiha@berita.com.sg

PENCAK silat, yang awalnya tidak disertakan dalam senarai sukan bagi Sukan SEA Kemboja tahun depan, kini akan dipertandingkan dalam edisi ke-32 temasya sukan serantau itu.

Bagaimanapun, nasib bagi satu lagi sukan, sepak takraw, belum lagi pasti. Dirahamkan acara antara regu dan beregu sepak takraw, yang disenaraikan sejak Sukan SEA Manila 1981, tidak akan disertakan pada temasya sukan tahun depan.

Sebaliknya, acara regu berpasukan, kuadrin, gelang dan chinlone yang memperartuhkan 16 pingat emas akan dipertandingkan, lapor akhbar Malaysia, *Harian Metro*.

Senarai sukan bagi Sukan SEA Kemboja pada 5-17 Mei ini menimbulkan kejutan, dengan beberapa sukan yang telah kerap ditampilkan dalam edisi temasya sukan dwitahunan itu sebelumnya dijangka terlepas disertakan.

Di mesyuarat terkini Persekutuan Sukan SEA di Hotel Sokha di Plims Penh minggu lepas, senarai sementara yang meringkumi 40 sukan termasuk sukan utama seperti atletik dan akuatik, dengan polo air kembali dimasukkan selepas gagal mendapat tempat dalam edisi terakhir di Hanoi Mei lalu, yang ditunda selama tujuh bulan akibat pandemik.

Persekutuan Sukan SEA dijangka mengadakan mesyuarat dalam minggu-minggu mendatang untuk rasmuktamadkan senarai sukan yang akan dipertandingkan di ibu kota Kemboja itu.



SILAT DAPAT 'LAMPU HIJAU': Pesakit Singapura, Abdul Raaziq Abdul Rashid (kanan), ketika bersaing dalam Sukan SEA Hanoi pada Mei lalu. - Foto fail

Susunan program sukan bagi setiap edisi temasya diputuskan negara tuan rumah dan disokong oleh Persekutuan Sukan SEA. Oleh itu, sukan dan jenis acara disertakan berlainan pada edisi temasya sukan yang berbeza.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persatuan Silat Singapura (Persisi), Shiekh Alauddin Yacoob Matican, baru-baru ini mendedahkan kepada *Berita Harian* (BH) bahawa silat telah mendapat 'lampu hijau' untuk dipertandingkan dalam Sukan SEA Kemboja.

"Saya gembira silat mendapat sokongan untuk disertakan dalam Sukan SEA Kemboja. Sukan SEA memberikan platform baik un-

tuk pesilat kami menguji kehebatan mereka dan mencapai kecemerlangan di rantau ini," ujarnya.

Majlis Olimpik Malaysia, dalam satu posnya di Facebook pada 13 Julai lalu, turut mengesahkan penyeratan sukan itu.

Bagi sepak takraw pula, Persekutuan Sepak Takraw Asia (Astaf) akan cuba 'memujuk' Jawatankuasa Penganjur Sukan SEA Kemboja (CAMSOC) untuk memasukkan semula acara antara regu dan beregu sepak takraw dalam edisi temasya sukan mendatang ini, menurut *Harian Metro*.

Presiden Astaf, Abdul Halim Kaiber, dipetik sebagai berkata acara berkenaan seharusnya dipertandingkan kerana sudah lama di-

seraikan sejak Sukan SEA 1981.

Beliau menambah pihaknya juga akan mendapatkan sokongan Presiden Majlis Olimpik Thailand, Jeneral Pravit Wongswan, dan Presiden Majlis Olimpik Indonesia, Raja Sapta Oktohari, untuk menyokong usaha membawa kembali acara itu supaya dipertandingkan semula di Kemboja kelak.

Presiden Persekutuan Sepak Takraw Singapura (Perses), Nassri Haron, ketika ditanya BH mengenai hal tersebut pada Pesta Sukan Sepak Takraw 2022 di Antung@WGS Isnin lalu, enggan mengulas lanjut dan "akan hanya menunggu pengumuman daripada para penganjur".

Sukan lain seperti boling dan menembak

- yang secara tradisi menyumbang pingat kepada Team Singapore - juga harus menanti nasib mereka.

Boling telah ditampilkan dalam tujuh daripada sembilan edisi terakhir Sukan SEA sejak 2005, manakala menembak telah dipertandingkan dalam kesemua 31 edisi Sukan SEA.

Sukan SEA Kemboja namun akan menyaksikan kapal layar, floorball dan kriket disertakan semula.

Teqball, sukan yang menggabungkan bola sepak, sepak takraw dan tenis meja dan dimainkan di atas meja melengkung, juga akan diperkenalkan sebagai sukan pertunjukan di edisi itu.



TUNGGU NASIB: Pasukan wanita boling negara, yang menang pingat emas Sukan SEA di Hanoi tahun ini, mungkin harus menunggu lebih lama untuk mempertahankan kejayaan mereka. - Foto SMOG

SENILAS

SENARAI SUKAN YANG DILULUSKAN BAGI SUKAN SEA KEMBOJA 2023

1. Atletik
2. Akuatik (enang, terjun air dan polo air)
3. Badminton
4. Bola keranjang (3x3 & 5x5)
5. Bilard dan Snooker
6. Bina badan
7. Tenis
8. Catu (karate & taekwondo)
9. Koles
10. Berbasikal (perubahan besikal gunung dan jalan raya)
11. Sukan tarian
12. E-Sukan

13. Perlumbaan daya (aquathlon, duathlon & triathlon)
14. Lawan pedang
15. Renang lin
16. Floorball
17. Bola sepak
18. Golf
19. Gimnastik (artistik & senbeli)
20. Hoki (padang & dalam dewan sukan)
21. Judo
22. Judo
23. Karate
24. Kung Fu (melayu)
25. Seni mempertahankan diri (amris, jujitsu, jiu-jitsu, karate, krav maga, muay thai, vovinam dan seni mempertahankan diri Korea)
26. Perlumbaan bermalangan

27. Pelancongan
28. Kapal layar
29. Sepak takraw
30. Pensak silat
31. Tenis 'soft'
32. Tenis meja
33. Taekwondo
34. Tenis
35. Perlumbaan bot tradisional
36. Bola tampar & bola tampar pantai
37. Angkat berat
38. Golf
39. Wushu

SUKAN PERTUNJUKAN:

1. Teqball

Sumber: FACEBOOK MAJLIS OLIMPIK MALAYSIA